

NTU, institut kelautan lancar pusat penyelidikan \$15 juta

UNIVERSITI Teknologi Nanyang (NTU) dan Institut Kelautan Singapura (SMI) telah melancarkan pusat penyelidikan bernilai \$15 juta untuk membangunkan usaha penyelesaian inovatif dan mampan bagi industri kelautan Singapura.

Pusat Kecemerlangan Pembangunan Tenaga dan Kelestarian Kelautan (MESD) yang terkini itu akan memberi tumpuan kepada pelabuhan dan aplikasi perkapalan bagi masa depan dalam tiga bidang utama.

Ia termasuk pengurusan tenaga, keluaran bahan seperti asap atau gas dan operasi kelautan yang mampan.

Dijangka mula beroperasi pada akhir tahun ini, pusat yang dilancarkan semalam sempena forum SMI 2017 dengan disaksikan Menteri Negara Kanan (Pengangkutan merangkap Kesihatan), Dr Lam Pin Min, itu akan bekerja rapat dengan syarikat bagi memastikan penyelidikan dan teknologi memenuhi keperluan industri.

Ia akan mengusahakan projek bersama bagi membangunkan inovasi untuk mengurangkan keluaran berbahaya daripada kapal, selain membantu syarikat perkapalan mematuhi perubahan yang dijangkakan dalam peraturan antarabangsa industri kelautan.

Pemangku Provos, Ketua Staf dan Naib Presiden Penyelidikan NTU, Profesor Lam Khin Yong, berkata:

“Kebanyakan perdagangan antarabangsa dan kegiatan ekonomi utama bergantung pada pergerakan barangan melibatkan kapal yang menggunakan banyak minyak bahan api dan bahan bakar fosil yang lain.

“Perkongsian ini akan mewujudkan huraian yang lebih mesra alam bagi industri perkapalan dalam mengurangkan keluaran bahan dalam industri kelautan yang lebih mampan.”

Ia juga akan mempersiapkan penyelidikan kelautan masa depan untuk memperluas penyelidikan mereka.

Pusat penyelidikan kelautan pertama yang disokong oleh SMI itu adalah sebahagian daripada usahanya memperdalam keupayaan penyelidikan, di samping membangun kumpulan penyelidik kelautan bermutu di Singapura bagi tempoh jangka panjang.

Ia dibiayai bersama oleh SMI sehingga \$10 juta, manakala NTU menyumbang \$4 juta dan \$1 juta lagi daripada rakan industri NTU.

Pengarah Eksekutif SMI, Encik Toh Ah Cheong, berkata:

“Dengan sukacitanya kami menyokong penubuhan Pusat Kecemerlangan MESD ini untuk memperkukuh lagi keupayaan dan kerjasama NTU dengan industri dalam penyelidikan tenaga kelautan.”

Sementara itu, Ketua Eksekutif, Penguasa Kelautan dan Pelabuhan Singapura, Encik Andrew Tan, berkata:

“Tatkala kita membangun Pelabuhan Generasi Seterusnya di Tuas, peluang baru terbuka kepada kita untuk meneroka sumber tenaga alternatif yang bersih untuk kegunaan di pelabuhan kita dan kegiatan di persekitaran pelabuhan.

“Salah satu teras utama Pelabuhan Tuas adalah mencapai tahap kelestarian alam sekitar yang meliputi pelabuhan, peralatan, kegiatan sokongan mudah alih seperti logistik dan pergudangan.”